

'Kegilaan seketika' timbulkan keriuhan

BH 22/6/08 M/S 10

Keterbukaan Pak Lah ketika Program Retreat MT Umno harus buka mata ahli lain

Kaca Mata

Bersama Hishamuddin Aun
hishamaun@nstp.com.my




TIADA langsung keraguan terhadapnya selaku seorang yang kuat menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selama ini kecuali 'kegilaan seketika' yang menyaksikannya tiba-tiba berubah warna.

Barangkali terikut-ikut dengan keghairahan segelintir supaya pelan peralihan kuasa daripada Perdana Menteri kepada Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, disegerakan, maka beliau juga terdorong untuk turut menyetujuinya.

Senario itu berlaku pada salah satu sesi perbincangan pada Program Retreat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Shah Alam, dua minggu lalu, dengan tujuan untuk merangka strategi dan hala tuju bagi meningkatkan semula sokongan ahli dan rakyat amnya terhadap parti keramat Melayu itu.

Memang sudah lumrah apabila berlaku perkumpulan seramai 52 ahli MT yang berkurung selama dua hari, banyak yang berkemungkinan - ada yang mahu didengar dan tidak kurang pula yang sekadar mendengar.



BINCANG BERSAMA: Abdullah ketika mempengerusikan Program Retreat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Shah Alam, baru-baru ini. Turut kelihatan Najib dan barisan kepimpinan parti.

Namun, tiada silapnya program itu diadakan kerana matlamatnya ialah untuk menyediakan seluas-luasnya ruang kepada pemimpin Umno menyuarakan pandangan masing-masing agar pelbagai pendekatan boleh dirumus daripada pengajaran Pilihan Raya Umum Ke-12, 8 Mac lalu.

Perbincangan berlangsung dalam tiga kumpulan berasingan, dengan masing-masing diketuai Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, mempengerusikan kumpulan pertama, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengetahui kumpulan kedua, manakala Ketua Pengerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, mengetahui kumpulan ketiga.

Pada salah satu sesi berkenaanlah, dikhabarkan pelan peralihan kuasa hangat dibincangkan yang seakan-akan membawa kepada kesimpulan bahawa ia sesuatu yang mesti dilaksanakan dalam masa terdekat – tanpa pengecualian dan tanpa kelengahan – untuk Umno diselamatkan.

Kebetulan pada saat itulah, Abdullah, yang beralih dari satu bilik perbincangan ke bilik berikutnya, mata untuk menyertai perbincangan kumpulan berkenaan tanpa dimaklumkan apa yang sudah diperdebatkan sebelumnya.

Sama seperti amanatnya pada pembukaan program itu yang menuntut supaya pelbagai pendekatan difikirkan untuk mengembalikan keyakinan ramai terhadap Umno, Abdullah mengulangi dalam sesi berkenaan terhadap banyaknya kerja yang perlu dilakukan selepas ini.

Sambil Presiden Umno meletakkan dirinya sebagai pendengar yang baik, dengan membiarkan apa saja pandangan yang ingin dibangkitkan demi kepentingan Umno dan kerajaan, Abdullah turut menuntut perhatian agar hujahnya juga diberikan pertimbangan.

Daripada apa yang didengar, Abdullah khabarnya sangat berterus-terang serta memilih untuk bercakap dari hati ke hati dengan setiap seorang daripada mereka sambil berharap mereka juga bersikap yang sama terhadapnya.

Tentunya pada waktu itu, Perdana Menteri sedia akur akan ada pandangan yang berbeza

terhadapnya, tetapi apa pun percanggahan harus kesudahannya membawa kepada pemufakatan terhadap sesuatu terbaik yang harus dilakukan.

Keterbukaan Abdullah, kata satu sumber, menukar terus arus perbincangan sesi kumpulan berkenaan daripada kesungguhan untuk mengenakan tekanan terhadapnya agar berundur, kepada rasa tanggungjawab dan kesediaan untuk bekerjasama dengannya menegerai kepemimpinan.

Tapi benarkah begitu?

“Apa yang sudah saya buat?,” soal seorang ahli MT dari Pantai Timur itu kepada seorang rakan MT ketika sesi berkenaan berhenti rehat. “PM sudah jelaskan banyaknya kerja yang perlu kita sama-sama buat sedangkan kita bercakap untuk menggantikan dia.”

Ia harus bukan berkisar kepada rasa takut terhadap Abdullah seperti digembar-gemburkan oleh bekas ahli nombor satu Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad, kononnya tiada sesiapa kini yang boleh atau dibenarkan bersuara.

Tidak juga ia didorong oleh kemesraan dan keramahan Presiden Umno terhadap mereka, lantaran ia memang sudah sehati dengan Abdullah, baik ketika beliau tiada berjawatan mahupun ketika memegang tampuk kuasa dalam parti.

Sebaliknya, mereka harus cenderung kepada kesedaran bahawa Perdana Menteri tidak harus dibiarkan bersendirian dalam menjayakan agenda parti dan kerajaan pada ketika terhakisnya sokongan terhadap Umno seperti digambarkan dalam pilihan raya umum lalu, perlu dipertanggungjawabkan kepada mereka sama.

Apa yang berbeza ialah, sambil sebilangan besar daripada mereka berkongsi pandangan dan kesedaran sedemikian, tidak ramai antara mereka yang memperlihatkannya dalam bentuk kata-kata dan tindakan.

Dalam banyak keadaan, Abdullah lebih kerap dilihat bersendirian bersama Najib untuk mempertahankan agenda parti dan kerajaan pada ketika kebanyakan yang lain memilih untuk membiarkan saja kepada mereka berdua.

Sebaliknya, apabila segelintir memilih untuk bersuara dalam mempertahankan kepemimpinan, mereka tidak pula bercakap dalam satu nada melainkan bercanggah antara satu sama lain.

Harus agak keterlaluan jika ada yang berpandangan bahawa Abdullah dikelilingi oleh mereka yang hanya mahukan kredit, tetapi bersikap lepas tangan apabila sesuatu keputusan parti atau Kabinet dijangka mengundang kritikan.

Tetapi apakah ikhtiar mereka untuk mengubah persepsi demikian?

Harus tidak ramai antara mereka yang pernah mengalami tekanan seperti dihadapi Abdullah dan tidak sukar meramalkan apakah mereka berupaya memperagakan ketabahan seperti ditunjukkan Perdana Menteri.

Terbaru, bukan kecil juga impak daripada keputusan Parti Maju Sabah (SAPP) mengumumkan hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri hingga mendorong ada yang menyimpulkannya sebagai tambahan menggoyahkan kedudukan Abdullah yang sudah menyatakan pendirian untuk mempertahankan jawatan Presiden pada Perhimpunan Agung Umno, Disember nanti.

Gelabah bukanlah antara resmi Abdullah yang menganggap perkara seperti itu bukan baru dalam politik. Sudah masak dengan sepak-terajang politik, Perdana Menteri turut menerjahkan satu atau dua pengajaran kepada mereka di sekelilingnya.

“Sebagai ahli politik, semua orang biasa terhadap tuduhan yang bermacam-macam. Tapi pentingnya jangan saya atau orang seperti saya berasa terganggu. Ada banyak kerja (perlu dilakukan),” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN), Khamis lalu.

“Rakyat sudah memberikan mandat yang cukup kepada Barisan Nasional untuk menubuhkan kerajaan yang kuat dalam pilihan raya lepas, dengan itu hanya tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan itu perlu diberi perhatian.

“Maka dengan itu, kita tidak perlu membiarkan diri kita dipesongkan dengan pel-

bagai isu yang timbul dari semasa ke semasa. Saya perlu tumpukan pada apa yang saya mahu lakukan.

“Saya pun ada kerja dan saya akan terus dengan kerja saya. Itu adalah tanggungjawab saya yang saya mesti laksanakan. Dan kalau saya tidak ada kerja lain, dok fikir orang kritik, pasal orang marah saya, apa lagi saya nak buat.. tak bolehlah.

“Pada masa sama, sudah tentu ada masalah-masalah seperti ini yang apabila boleh kita tangkis, kita tangkislah.”

Dalam pada itu, seorang menteri kanan mendedahkan bukanlah Abdullah tidak menyedari pelbagai instrumen dimilikinya sebagai Perdana Menteri untuk mempertahankan kedudukannya daripada serangan berterusan.

Sudah kerap dalam mesyuarat mingguan Kabinet, katanya, pelbagai cadangan dibangkitkan untuk Perdana Menteri mengambil tindakan yang dirasakan perlu dalam meredakan sesuatu keadaan.

“Tapi adalah jelas kepada kami bahawa beliau tidak akan memutuskan sesuatu tindakan hanya berdasarkan rasa amarah, apatah lagi jika ia dalam bentuk tindakan yang akan diambil oleh sesiapa yang lain,” katanya.

Berkaitan beberapa perkara mendesak, kata menteri itu lagi, Abdullah turut dinasihati agar mengetepikan imejnya sebagai ‘Mr Nice Guy’ kerana apa juga pendiriannya tetap tidak terhindar daripada mengundang reaksi.

“Pernah beliau memberitahu kami: ‘Kalau saya buat macam itu, maka ia sesuatu yang orang memang jangka saya akan buat’.

“Ia bukan sangat soal Perdana Menteri mahu melakukan sesuatu yang berbeza daripada dijangkakan daripadanya atau seperti diharapkan ramai, tetapi keputusan yang harus dialami buruk-baiknya sebelum dilakukan,” katanya.

Kepada sebilangan, itu dilihat sebagai kelemahan Abdullah. Kepada sebahagian lain, itu adalah kekuatannya.

Yang pasti, Abdullah tidak akan merelakan ‘kegilaan seketika’ mempengaruhi apa jua keputusannya.